

04 DEC 2003

Mahathir-Minda

MINDA RAKYAT M'SIA YANG MASIH DIJAJAH JADI HALANGAN KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA

JOHOR BAHRU, 4 Dis (Bernama) -- Pemikiran sesetengah rakyat Malaysia masih dijajah dan ia menjadi halangan terbesar kepada usaha membangunkan negara, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, apabila kerajaan merancang sesuatu yang menarik, pasti akan ada cemuhan dan kritikan yang dilemparkan bukan sahaja oleh rakyat negara ini yang berfikiran dijajah, membabitkan orang Eropah dan media massa mereka.

"Sepatutnya setelah merdeka, minda kita (rakyat negara ini) tidak dijajah lagi. Tetapi penjajahan minda tidak mudah dikikis sepenuhnya. Ramai dari kita masih kurang percaya akan kebolehan kita sendiri," katanya ketika berucap selepas menerima penganugerahan ijazah doktor kehormat Universiti Teknologi Malaysia dalam pengurusan dan kejuruteraan di kampus UTM di sini.

Anugerah pada majlis konvokesyen khas itu telah disampaikan oleh Canselor UTM, Sultanah Zanariah Alharhum Tunku Ahmad.

Dr Mahathir berkata ramai yang masih percaya orang Eropah lebih berkemampuan daripada rakyat negara ini dan ada pula yang menganggap bahawa untuk memajukan negara membangun seperti Malaysia ini menjadi sebuah negara maju, adalah angan-angan Mat Jenin sahaja.

"Benar, secara langsung, penjajah tidak dapat lagi menjajah, tetapi mereka menjajah dengan cara baru memperalatkan rakyat negara ini yang masih belum bebas daripada belunggu penjajahan minda," katanya.

Dr Mahathir berkata projek-projek pembangunan negara seperti Lebuhraya Utara Selatan, landasan berkembar kereta api elektrik, Jambatan Pulau Pinang, Menara Kembar Petronas, Lapangan Terbang Antarabangsa KL, Putrajaya dan Cyberjaya, semuanya diberi label sebagai "projek mega" dan ditentang oleh badan bukan kerajaan (NGO) tempatan.

"Jika kita dapat membebaskan diri dari kongkongan dan penjajahan minda kita, dan berfikir akan negara Malaysia tanpa apa yang dilabelkan sebagai "mega projek", apakah yang akan ada pada kita.

"Bayangkan Malaysia tanpa projek pembangunan itu, apakah yang akan tinggal yang membezakan Malaysia daripada negara-negara membangun yang lain...sudah tentu tidak ada," katanya.

Dr Mahathir berkata bahawa dalam melaksanakan projek-projek itu, kerajaan tidak meminggirkan pembangunan di kawasan luar bandar yang dilengkapi kemudahan asas seperti jalan raya, elektrik, air, sekolah dan klinik.

"Malaysia tidak menjadi muflis dan pengemis untuk meminta daripada sesiapa bagi membangunkan projek mega," katanya.

Sebaliknya, kata Dr Mahathir, kewangan negara jauh lebih kukuh daripada kebanyakan negara membangun yang lain, bahkan daripada sesetengah negara maju.

Lagipun, semua projek itu berguna dan digunakan sepenuhnya oleh rakyat negara ini, katanya.

"Kita tidak harus latah dan meniru pendapat dan perkataan orang asing, khususnya bekas penjajah. Gunakanlah akal fikiran sendiri dan buat penilaian yang mengambil kira kemampuan dan keperluan kita," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

BH MAI